

# Noordin dianggap Bapa Kewartawanan Moden

BH - 5/9/2006

**G**EORGETOWN: Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Datuk Hishamuddin Aun menyifatkan tokoh pemikir, Allahyarham Tan Sri Dr Noordin Sopiee sebagai Bapa Kewartawanan Moden.

Hishamuddin berkata, selaku arkitek kepada penyegaran, peremajaan dan penjenamaan semula akhbar kumpulan NSTP, Allahyarham yang meninggal dunia pada 29 Disember lalu akibat barah tiroid, tiga hari selepas menyambut ulang tahun kelahirannya ke-61, selayaknya diangkat martabat setinggi itu.

Katanya, Allahyarham yang menyertai NSTP pada 1972 sebagai penulis rencana dan kemudian penulis rencana pengarang, mengambil masa sembilan tahun untuk diangkat menduduki kerusi Ketua Pengarang NSTP.

"Selama kira-kira tiga tahun memimpin NSTP, Dr Noordin bagai pelari pecut dengan memperkenalkan pembaharuan demi pembaharuan dalam masa yang singkat, antaranya pendekatan kewartawanan penyiasatan.

"Ramai yang masih menjadi pengamal media hari ini mengakui ketokohnya untuk berkongsi pendapat, memberi tunjuk ajar mahupun memberi pengiktirafan kepada bakat wartawan muda.

"Tiada satu bidang pemberitaan yang pernah diperlekehkannya, biarpun halaman sukan atau hiburan yang tidak ketinggalan menyaksikan beliau berceloteh satu atau dua perkara sebagai menunjukkan beliau tetap prihatin terhadap semuanya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi Forum Khas sempena majlis pe-



**PANEL FORUM: Ahli panel (dari kanan) Dzulkipli, Mohamed Jawhar, Hishamuddin dan Anuar pada sesi forum khas sempena majlis pelancaran Kursi Tan Sri Dr Noordin Sopiee Mengenai Kajian Global di Dewan Budaya USM, semalam.**

lancaran Kursi Tan Sri Dr Noordin Sopiee Mengenai Kajian Global di Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, semalam.

Majlis pelancaran itu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan turut dihadiri isteri Dr Noordin, Puan Sri Shamsiah Md Hashim.

Turut menyertai forum itu ialah Pengerusi Bernama, Datuk Mohd Annuar Zaini, Pengerusi dan Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan, manakala Naib Canselor USM, Datuk Dzulkipli Abdul Razak sebagai pengerusi panel.

Sementara itu, Mohd Annuar me-

nyifatkan Dr Noordin yang dikenalnya sepanjang bersahabat selama 33 tahun lalu adalah seorang yang taat pegangan agama, berprinsip, suka merendah diri, setia, pemurah dan penyabar.

"Ketika kami menunaikan haji pada Julai 1988, beliau yang mampu mengambil pakej haji bertaraf lima bintang, merendahkan diri untuk bersama saya dan sanggup mengtepikan keselesaan kerana kesetiaan kepada kawan.

"Begitu juga, ketika Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Musa Hitam (sekarang Tun) meletakkan jawatan pada 1986, ramai yang saya sangkakan kawan tidak lagi mengenali saya melainkan Noordin yang

memperlihatkan erti kawan yang jujur dan setia," katanya yang ketika itu adalah Pegawai Khas Musa.

Bagi Mohamed Jawhar, Dr Noordin yang memegang jawatan sebagai Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif ISIS pada 1984 sebagai seorang yang kuat bekerja dan sehingga ke akhir hayat masih menulis walaupun menanggung kesakitan akibat penyakit kanser yang ditanggung sejak 13 tahun lalu.

Katanya, tidak ramai mampu bertindak seperti Dr Noordin yang mempunyai pelbagai kemahiran dan melakukannya serentak dan pada masa yang sama aktif menyampaikan pandangan terhadap pelbagai isu di dalam dan luar negara.